

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH – DAP]**

TARIKH : 13 MAC 2018

NO. SOALAN : 42

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan keluasan tanah penanaman haram yang telah dimusnahkan dalam Operasi Gading yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Cameron Highlands sejak tahun 2015. Nyatakan bilangan PATI yang telah ditangkap selama ini dan tarikh pemberhentian operasi tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seluas 4,887 ekar tanah yang diceroboh secara haram di Cameron Highlands oleh peneroka telah dimusnahkan melalui Operasi Gading yang bermula pada 4 Disember 2014 sehingga 31 Disember 2016.

Sementara itu, dalam operasi membasmi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), seramai 1,045 orang PATI telah ditahan oleh Jabatan Imigresen di Cameron Highlands sepanjang Operasi Gading dijalankan.

Kerajaan akan terus memantau aktiviti pencerobohan tanah secara haram di Cameron Highlands melalui pemeriksaan kerap dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak tidak bertanggungjawab yang terlibat dalam aktiviti menyalahi undang-undang.

Sekian, terima kasih